

## **CABARAN FRAUD DI INSTITUSI ZAKAT: JENIS, PUNCA DAN MEKANISME PENCEGAHAN**

*Fraud Challenges in Zakat Institution: Types, Causes and Prevention Mechanism*

**Mohamad Naimi Mohamad Nor<sup>a\*</sup> dan Dzarfan Abdul Kadir<sup>a</sup>**

*<sup>a</sup>Tunku Puteri Intan Safina vz. School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia, Kedah.*

Diterima: 20 August 2019, Diproses: 7 January 2020, Diterbitkan: 1 March 2020

---

**Abstrak:** Zakat merupakan agenda penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Di Malaysia, institusi zakat bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pentadbiran zakat. Seperti entiti perniagaan lain, institusi zakat (IZ) turut terdedah kepada pelbagai risiko dan isu salah tadbir urus. Cabaran ini memerlukan institusi zakat untuk membangunkan dan mengaplikasikan kaedah yang komprehensif bagi mengawal kejadian fraud dalam organisasi dan memastikan keyakinan pembayar zakat dan penerima zakat tidak terjejas. Disebabkan kesan fraud sangat besar, adalah penting bagi IZ untuk memperkenalkan kaedah pencegahan fraud supaya kredibiliti IZ sentiasa terpelihara. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan kaedah-kaedah pencegahan fraud yang boleh dipertimbangkan untuk IZ yang merupakan entiti unik di Malaysia. Bagi mencapai matlamat tersebut, jenis-jenis fraud yang sering berlaku dan kaedah pencegahan fraud yang digunakan dalam organisasi konvensional dikenalpasti dan dinilai. Artikel ini turut membincangkan tentang punca berlakunya fraud dan hubungan di antara tadbir urus dan fraud. Oleh kerana IZ merupakan sebuah institusi kewangan sosial Islam, kaedah pencegahan fraud adalah berbeza dengan institusi kewangan lain. Maka, artikel ini turut mencadangkan mekanisme pencegahan fraud yang bersesuaian dengan struktur dan fungsi IZ sebagai agen perubahan ekonomi ummah. Akhir sekali, artikel ini juga mengenalpasti bidang kajian yang boleh dijalankan berkaitan dengan isu perakaunan forensik dan IZ.

**Katakunci:** mekanisme pencegahan, fraud, institusi zakat, segitiga fraud, tadbir urus.

**Abstract:** *Zakat is an important agenda in the development of the Muslim economy. In Malaysia, zakat institution (ZI) is responsible for zakat management and administration. Like other business entities, ZIs are exposed to various risks and mismanagement issues. This challenge requires ZI to develop and apply comprehensive methods to reduce the incidence of fraud in the organization and ensure the confidence of zakat payers and beneficiaries of zakat is not affected. As the impact of fraud is severe, it is important for ZI to introduce fraud prevention methods so that the credibility of ZI is always preserved. This article is intended to discuss fraud prevention methods for ZI that is considered as a unique entity in Malaysia. To achieve this goal, several types of fraud and the*

*fraud prevention methods adopted in conventional organizations were identified and evaluated. This article also discusse the causes of fraud and the relationship between governance and fraud. Since ZI is an Islamic social finance institution, fraud prevention methods are different from other financial institutions. Therefore, this article also proposes a fraud prevention mechanism that fits into the structure and function of ZI as an agent of the economic transformation of the ummah. Finally, this article also identifies areas of research that can be carried out in relation to the issue of forensic accounting and ZI.*

**Keywords:** prevention mechanism, fraud, zakat institution, fraud triangle, governance.

---

## **PENGENALAN**

Zakat merupakan urusan yang wajib ditunaikan oleh umat Islam apabila telah memenuhi syarat tertentu. Di Malaysia, urusan berkaitan zakat adalah dibawah pentadbiran negeri dan setiap institusi zakat (IZ) ditadbir secara berbeza. Peranan utama institusi ini ialah menguruskan agihan dan kutipan zakat dan umumnya institusi ini berfungsi untuk menjaga kepentingan ekonomi dan kesejahteraan umat Islam.

Walaupun urusan pentadbiran zakat berbeza bagi setiap negeri, keperluan memiliki kualiti pengurusan dan pentadbiran bagi setiap institusi zakat adalah sama. Pentadbiran yang berkualiti penting bagi memastikan matlamat penubuhan dan kepentingan penerima dan pembayar zakat terpelihara. Dalam memastikan kepentingan semua pihak terjaga, harus terdapat unsur keyakinan dan saling percaya mempercayai di antara pihak yang terlibat dalam ekosistem zakat. Antara penyumbang kepada keberkesanan ekosistem organisasi ialah amalan tadbir urus yang baik. Gaya kepimpinan dan tadbir urus oganisasi akan mempengaruhi sikap ahli-ahli dalam organisasi. Pihak pengurusan atasan sepatutnya memberi contoh teladan yang baik kepada kakitangan seliaannnya untuk mencapai amalan tadbir urus yang baik (Law, 2011; O'Connell, 2016). Selain daripada itu, pihak atasan juga berperanan untuk memastikan kualiti kawalan dalaman organisasi berfungsi dengan sepenuhnya supaya sebarang risiko yang tidak diingini termasuklah risiko fraud dapat diminimumkan (Zakaria, Nawawi dan Puteh Salin, 2016). Antara kejadian fraud yang berkaitan institusi zakat dan dilaporkan oleh media ialah kes rasuah melibatkan pegawai atasan sebuah institusi zakat (Muzamir, 2017). Kejadian sebegini boleh memberi kesan negatif terhadap perjalanan institusi zakat, apatah lagi kejadian tersebut melibatkan pihak pengurusan tertinggi institusi zakat. Lebih parah lagi, keyakinan umat Islam terhadap keupayaan institusi ini untuk menguruskan dana zakat yang bernilai ratusan juta ringgit juga turut terganggu. Sesungguhnya usaha untuk mendapatkan keyakinan daripada umat Islam tentang kemampuan institusi zakat untuk mentadbir dana zakat merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh pelbagai institusi zakat di serata negara.

Menyedari akibat kesan besar daripada fraud, kertas kajian ini membincangkan jenis-jenis fraud yang kerap berlaku dalam sesebuah organisasi, punca fraud dan bagaimana insiden fraud ini boleh diperangi dan dicegah. Diharapkan melalui cadangan mekanisme pecegahan fraud di institusi zakat, kredibiliti institusi penting ekonomi umat Islam akan terpelihara dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan umat Islam hasil dari amalan ekonomi yang telus dan berintegriti.

## FRAUD

Fraud secara umumnya merujuk kepada kecurangan yang dilakukan dengan sengaja oleh seorang atau secara berkumpulan untuk mendapatkan keuntungan serta merugikan pihak lain (mangsa). Terdapat banyak definisi fraud yang antara lain adalah seperti berikut:

- Fraud ialah pernyataan palsu yang dibuat untuk mendapatkan faedah. (Kamus Dewan, Edisi Keempat).
- Fraud adalah perbuatan bertentangan undang-undang yang dilakukan secara sengaja untuk tujuan tertentu (manipulasi atau memberikan laporan keliru kepada pihak lain) dilakukan oleh orang-orang dari dalam atau luar organisasi bagi mendapatkan keuntungan peribadi ataupun kelompok dan merugikan orang lain (*Association Certified Fraud Examiners* atau *ACFE*).
- Fraud ialah istilah generik dan merangkumi pelbagai penafsiran yang dapat dikembangkan oleh kepandaian manusia, dilakukan oleh individu untuk mendapatkan keuntungan dari orang lain hasil dari pernyataan palsu. Namun demikian, tiada panduan atau peraturan yang jelas untuk memberikan makna fraud. Tetapi kejadian berkaitan kejutan, tipu muslihat, cara yang licik dan tidak adil ke atas orang yang ditipu juga adalah dikira sebahagian daripada fraud. Satu-satunya batas di dalam mendefinisikan fraud adalah menghadkannya kepada tipu muslihat manusia (Albrecht, Albrecht, Albrecht dan Zimelman, 2016).

## JENIS-JENIS FRAUD

Terdapat pelbagai pembahagian jenis-jenis fraud. ACFE telah membahagikan fraud kepada 3 jenis seperti berikut (Albrecht et al., 2016):

(a) Penyelewengan aset - Penyelewengan aset meliputi penyalahgunaan dan kecurian aset atau harta organisasi. Ini merupakan bentuk fraud yang paling mudah dikesan kerana sifat aset yang *tangible* iaitu dapat dilihat, diukur dan dihitung (*defined value*).

(b) Pernyataan palsu atau salah pernyataan - Pernyataan palsu meliputi tindakan yang dilakukan oleh individu atau organisasi untuk mengaburi kedudukan kewangan yang sebenarnya dengan mengubah laporan kewangan untuk memperoleh keuntungan.

(c) Korupsi - Korupsi ialah jenayah kolar putih tertua yang pernah berlaku dan merupakan jenayah pekerjaan yang paling besar terhadap organisasi. Fraud ini adalah sukar dikesan kerana melibatkan kerjasama dengan pihak lain, tambahan pula mereka turut menikmati hasil suapan tersebut. Di antara korupsi yang sering berlaku adalah seperti berikut:

- Rasuah – seseorang atau organisasi menawarkan atau memberi sesuatu yang bernilai (seperti wang, hadiah, manfaat) kepada pihak jabatan atau organisasi lain untuk mempengaruhi keputusan rasmi jabatan atau organisasi tersebut seperti mendapat kontrak, kebebasan atau keistimewaan tanpa pengetahuan atau kelulusan pihak prinsipal.
- Ganjaran yang tidak sah - seseorang atau organisasi menawarkan atau memberi sesuatu yang bernilai (seperti wang, hadiah, manfaat) kepada pihak jabatan atau organisasi lain kerana suatu tindakan atau keputusan jabatan atau organisasi lain tanpa pengetahuan atau kelulusan pihak prinsipal.
- Kepentingan peribadi – seseorang yang mempunyai kepentingan peribadi yang tersembunyi di dalam urusan organisasi dan akhirnya turut menjejaskan atau merugikan organisasi terbabit.
- Ugutan – sebarang bentuk paksaan yang boleh mempengaruhi sesuatu urusan organisasi berdasarkan salahguna kuasa, ugutan atau tekanan ekonomi.

Seterusnya Albrecht et al. (2016) turut mengklasifikasikan fraud yang dilakukan terhadap organisasi kepada lima jenis iaitu:

- (a) Penyelewengan pekerja atau fraud pekerjaan - Ini adalah penyelewengan paling biasa melibatkan fraud pekerjaan di mana pekerja menipu majikan dengan mencuri aset organisasi sama ada secara langsung atau tidak.
- (b) Fraud pihak pengurusan - Fraud ini membabitkan pihak pengurusan tertinggi dan selalunya melibatkan penyelewengan maklumat kewangan di dalam laporan penyata kewangan organisasi.
- (c) Penipuan pelaburan - Penipuan pelaburan biasanya melibatkan individu atau organisasi menempatkan wang ke dalam pelaburan yang diragui atau ianya tidak wujud sama sekali. Selalunya, mangsa akan kehilangan sebahagian atau semua wang mereka.
- (d) Penipuan vendor - Penipuan vendor melibatkan skim penipuan di mana penipu memanipulasi akaun syarikat terutamanya akaun belum bayar (pembekal) untuk memperolehi keuntungan peribadi yang tidak sah. Penipuan vendor boleh dilakukan oleh pekerja yang bertindak sendirian atau berpakat dengan vendor. Jenis penipuan ini juga boleh dilakukan oleh vendor sendiri.
- (e) Penipuan pelanggan - Penipuan pelanggan berlaku sama ada pelanggan tidak membuat bayaran ke atas barang yang dibeli (termasuk mencuri) dan perkhidmatan yang diterima atau membuat bayaran yang rendah dari harga sepatutnya.

Kesan fraud boleh dilihat dari pelbagai perspektif, antaranya kesan dalam bentuk kewangan (keuntungan, perbelanjaan) dan bukan kewangan. Contoh kesan bukan kewangan ialah runtuhnya imej organisasi dan terhakisnya keyakinan masyarakat atau pihak berkepentingan. Memandangkan kesan fraud adalah besar, maka institusi tersebut perlu ditadbir dan diurus secara berhemah dan cekap. Sebelum mengenalpasti hubungan di antara fraud dan tadbir urus, adalah penting untuk memahami punca berlakunya fraud. Bahagian seterusnya dalam artikel ini akan membincangkan tentang punca fraud.

## **PUNCA FRAUD**

Di dalam kajian konvensional, terdapat teori yang menerangkan mengapa manusia terlibat dengan fraud yang dinamakan teori 'segitiga fraud'. Konsep segitiga fraud dicituskan oleh Donald Cressey yang menyimpulkan bahawa terdapat tiga unsur yang menyebabkan berlakunya fraud (ACFE, 2019). Fraud, berdasarkan ACFE (2019) dan Albrecht et al. (2016), dikatakan berpunca daripada:

- (a) Tekanan – Sebelum seseorang terjebak ke dalam aktiviti fraud, penjenayah selalunya akan mengalami tekanan yang mendorongnya untuk melakukan fraud. Tekanan yang dialaminya mungkin terdiri daripada tekanan kewangan dan bukan kewangan. Bentuk-bentuk tekanan tersebut, antara lain ialah:
  - Tekanan kewangan – Tekanan ini berpunca daripada sifat tamak, gaya hidup di luar kemampuan, hutang yang tinggi atau keperluan kewangan di luar jangkaan seperti kos perubatan yang tinggi atau ditimpa kemalangan.
  - Aktiviti tidak bermoral – Ketagihan dadah, arak dan judi juga boleh memberi tekanan kepada seseorang. Perbelanjaan kewangan yang tinggi adalah diperlukan untuk menampung aktiviti yang tidak bermoral ini.
  - Tekanan tempat kerja – Faktor-faktor berkaitan dengan kerja seperti kurang penghargaan untuk prestasi kerja yang baik, tahap kepuasan kerja yang rendah, gaji yang rendah atau takut kehilangan kerja.
  - Lain-lain tekanan – Termasuk di dalam kategori ini ialah tekanan dari pasangan, keluarga, persaingan dengan rakan atau persekitaran yang terlalu mementingkan unsur kebendaan.
- (b) Peluang – Punca berlakunya fraud ini melibatkan peluang sama ada peluang tersebut adalah jelas atau ianya kelihatan seolah-olah ada peluang. Peluang ialah keadaan yang menggalakan seseorang terlibat secara terus atau mencari jalan untuk terjebak dengan fraud. Selain dari peluang untuk melakukan fraud,

skop peluang juga boleh diluaskan kepada peluang untuk menyembunyikan fraud serta peluang mengelakkan dari dikenakan hukuman.

- (c) Mewajarkan tindakan (rasionalisasi) – Elemen ke tiga mendorong berlakunya fraud ialah keupayaan mewajarkan tindakan fraud atau penyelewengan selari dengan pendirian/ kepercayaan perlakuan peribadinya. Bagi penjenayah, keupayaan untuk mewajarkan tindakannya menyebabkan penjenayah merasakan seolah-olah dia tidak terlibat langsung dengan fraud. Di antara alasan-alasan yang selalu digunakan ialah jumlah kesan aktiviti tersebut fraud adalah kecil dan aktiviti fraud adalah lumrah di organisasi.

Berdasarkan penerangan di atas, fraud boleh terjadi apabila wujudnya tekanan, peluang atau mewajarkan tindakan (rasionalisasi). Menariknya, punca fraud ini menjelaskan bahawa insiden fraud tidak boleh diletakkan kesalahan sepenuhnya kepada pelaku fraud. Terdapat juga kejadian yang berlaku akibat daripada kecuaiian atau kegagalan pihak atasan menguruskan organisasinya dengan baik. Akibat daripada kecuaiian tersebut, peluang kepada penjenayah untuk melakukan fraud telah tercipta. Dalam keadaan sedemikian, adakah pihak atasan langsung tidak boleh dipertanggungjawabkan? Secara logiknya, pihak atasan sedikit sebanyak boleh dipertanggungjawabkan jika kejadian yang tidak diinginkan berlaku dan unsur kecuaiian pengurusan memainkan peranan penting dalam menerangkan punca kejadian fraud. Hal ini menunjukkan bahawa fraud merupakan satu usaha yang terancang dan kadangkala melibatkan persekongkolan di antara pihak-pihak tertentu. Perancangan sistematik dan persepakatan di antara pihak berkepentingan menyebabkan insiden fraud tidak disedari oleh ahli organisasi yang lain dan fraud terus berlaku untuk satu tempoh yang panjang. Ekoran daripada itu, usaha untuk menyiasat aktiviti fraud menjadi lebih rumit dan memerlukan kepakaran yang tinggi untuk menyiasatnya. Apatah lagi di zaman serba canggih, pelbagai kaedah penipuan digunakan dengan menggunakan teknologi terkini untuk mengaburi pihak berkuasa dan menjadikan proses penyiasatan mengambil masa yang lebih panjang.

Kefahaman tentang punca fraud memberi panduan kepada pihak atasan untuk mengenalpasti kaedah yang boleh dilakukan bagi mengelak kejadian ini. Namun begitu, tidak semua punca fraud boleh dikawal atau diatasi secara sendirian oleh pihak pengurusan organisasi. Contohnya, bagi kejadian fraud yang berpunca daripada peluang, pihak pengurusan mempunyai ruang atau kuasa yang mencukupi untuk menutup pintu punca fraud. Dalam konteks aktiviti zakat, pihak institusi zakat mempunyai kuasa penuh menutup peluang melakukan fraud dengan memastikan kawalan dalaman yang wujud adalah efektif dan efisien. Kawalan dalaman yang berkesan mampu untuk memastikan hasil kutipan amil dapat disalurkan kepada institusi zakat dan seterusnya diagihkan kepada asnaf. Kawalan dalaman akan memastikan bahawa tiada ketirisan yang berlaku sepanjang proses kutipan dan agihan dana zakat.

Namun begitu, bagi aktiviti fraud yang berpunca daripada tekanan dan rasionalisasi adalah sukar bagi organisasi untuk mengawalinya. Dua punca kejadian fraud ini sebenarnya merupakan inisiatif atau ditentukan oleh sikap pelaku fraud tersebut. Pelaku fraud cuba untuk mewajarkan tindakannya dan beranggapan bahawa adalah tidak salah untuknya berlaku sedemikian rupa. Selain daripada itu, faktor persekitaran juga mempengaruhinya untuk terlibat dalam fraud. Apatah lagi jika individu tersebut berada dalam keadaan tertekan. Tekanan dari suasana persekitaran yang dialami akan mempengaruhi dan mendorong individu untuk terlibat dalam fraud. Tekanan yang dialami mengakibatkan seseorang itu hilang pertimbangan dan kewarasan untuk menilai tentang akibat terhadap sesuatu tindakan yang akan diambilnya. Lebih malang lagi apabila individu tersebut beranggapan bahawa penglibatannya dalam fraud mampu untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi.

## **TADBIR URUS INSTITUSI ZAKAT**

Kejadian fraud mempunyai perkaitan dengan hal ehwal tadbir urus. Tadbir urus merupakan proses bagaimana institusi ditadbir dan dikawal oleh pihak tertinggi atau pengurusan atasan bagi memenuhi objektif pihak berkepentingan organisasi. Beberapa kajian lepas telah dijalankan untuk melihat gaya pengurusan dan kepimpinan di institusi zakat. Fokus kajian lepas umumnya melihat kepada struktur tadbir urus di institusi zakat di Malaysia. Contohnya kecekapan dan tadbir urus institusi zakat (Abd Wahab, 2013; Abdul Wahab, 2017), pengurusan kewangan dan agihan zakat (Aminuddin, Wahid & Mohd Nor, 2017), kerangka akauntabiliti pengurusan dana zakat (Saad, Abdul Aziz & Sawandi, 2014) dan kerangka tadbir urus syariah di institusi zakat (Ibrahim, 2017). Selain daripada itu, kajian tadbir urus zakat juga didapati turut dijalankan di luar Malaysia, iaitu Indonesia. Beberapa kajian yang telah dijalankan iaitu Hakim, Ascarya, Beik, Pramono dan Saoqi (2019) dan Santoso, Alim dan Riyadi (2018) mengkaji tentang pembangunan tadbir urus zakat.

Bagi mencapai amalan tadbir urus yang baik, ia harus disokong oleh amalan pemantauan dan pengawasan. Amalan-amalan ini, antara lain dapat dicapai melalui kewujudan fungsi dan kaedah audit dan pengurusan risiko yang baik. Namun demikian, kajian yang dinyatakan di atas lebih menumpukan kepada struktur tadbir urus dan kurang memberi perhatian ke arah proses atau prosedur pelaksanaan amalan tadbir urus tadbir.

Terdapat sebilangan kajian yang telah dijalankan terhadap jenis dan proses pencegahan fraud iaitu Abdul Rahman dan Khair Anwar (2014); Wan Mohd Fathi, Ghani, Said dan Puspitasari (2017) dan Astuti, Rozali dan Cakhyaneu (2019). Kajian-kajian tersebut melibatkan institusi ekonomi Islam yang bermotifkan keuntungan dan malangnya tidak merangkumi institusi ekonomi yang tidak bermatlamatkan untung contohnya institusi zakat, wakaf dan baitulmal. Sehingga kini, kajian berkaitan kaedah pelaksanaan mengurangkan risiko salah tadbir termasuklah risiko dan pencegahan fraud di institusi zakat sangatlah terencil bilangannya. Kekurangan ini mungkin berpunca daripada status kawalan dalaman di institusi zakat yang masih lagi belum mantap dan utuh serta tanggapan bahawa institusi yang ditadbir oleh golongan berlatarbelakangkan pendidikan agama mempunyai risiko fraud yang rendah. Walaubagaimanapun, sifat fraud dan salah laku boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira latarbelakang individu (Albrecht et al., 2016).

Antara faktor yang boleh membantu ke arah amalan baik tadbir urus ialah mewujudkan kod tadbir urus. Kod tadbir urus memberi panduan bagaimana sesebuah institusi patut dikawal dan ditadbir. Kod ini antara lain merangkumi aspek pemantauan, kawalan dalaman, perakaunan dan kewangan, pengurusan risiko dan hubungan di antara pihak atasan organisasi dengan pihak yang berkepentingan (contohnya kakitangan dan juruaudit). Namun demikian, kod tadbir urus masih lagi merupakan sesuatu yang baharu kepada institusi yang tidak berasaskan keuntungan atau institusi keagamaan termasuklah institusi zakat. Adalah diharapkan suatu hari nanti, kod tadbir urus merupakan suatu dokumen wajib yang dibangunkan oleh institusi zakat dan menjadi rujukan penting dalam aspek tadbir urus zakat. Bagi sektor korporat, kod ini sudah lama wujud malahan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikannya relevan dengan perubahan semasa. Kewujudan kod ini sedikit sebanyak akan menguatkan lagi aspek penyeliaan dan boleh menutup punca berlaku fraud.

## **MEMERANGI FRAUD**

Memandangkan fraud adalah satu aktiviti yang keji, kegiatan fraud mesti diperangi sepenuhnya. Tanggungjawab untuk memerangi fraud mestilah dipikul oleh setiap ahli dalam organisasi. Memerangi fraud akan membolehkan kegiatan ini lebih terkawal kerana dikhuatiri fraud akan menjadi wabak yang boleh memusnahkan organisasi. Tanggungjawab untuk memeranginya tidak hanya dipikul oleh ketua

organisasi dan sepatutnya setiap ahli mengambil tanggungjawab untuk sama-sama terlibat memeranginya. Malahan, harus wujud rasa kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan ahli untuk memerangi jenayah fraud. Usaha bersama akan menghasilkan impak yang lebih berkesan dan memberi isyarat yang jelas kepada ahli bahawa aktiviti fraud tidak akan dilindungi dan dikompromi.

Selain dari tahap kerjasama ahli organisasi, kejayaan usaha memerangi fraud bergantung kepada beberapa faktor lain. Antara faktor yang patut dipertimbangkan ialah sumber yang dimiliki oleh organisasi tersebut. Sumber tersebut merangkumi aspek kemahiran, teknologi dan kewangan. Sesungguhnya dengan hanya memiliki semangat kerjasama tetapi tidak disokong oleh prasarana memerangi fraud, usaha murni ini sukar untuk dicapai. Oleh yang demikian, pihak organisasi hendaklah memilih kaedah memerangi fraud yang bersesuaian dengan kemampuan organisasi supaya sumber yang ada dapat digunakan secara optimum.

### **Kaedah pencegahan fraud**

Terdapat beberapa kaedah dalam mencegah fraud. Dua kaedah pencegahan fraud yang utama berdasarkan Albrecht et al. (2016) ialah: (1) mewujudkan budaya jujur, keterbukaan dan bantuan; dan (2) menghapuskan peluang melakukan fraud. Seterusnya, kaedah pertama merangkumi usaha-usaha seperti mendapatkan kakitangan yang jujur dan menyediakan latihan kesedaran fraud, mewujudkan persekitaran kerja yang positif, mengadakan program bantuan kepada pekerja dan menetapkan bentuk dan jangkaan hukuman. Bagi kaedah yang kedua pula iaitu menghapuskan peluang melakukan fraud, ianya merangkumi mekanisme pencegahan fraud yang boleh diamalkan termasuk memiliki kawalan dalaman yang baik, tidak menggalakkan persekongkolan antara pekerja dan pihak lain dan memaklumkan kepada pembekal berkaitan dengan polisi syarikat, memantau pekerja dan mengadakan talian bantuan, menetapkan bentuk dan jangkaan hukuman<sup>1</sup> dan pengauditan penipuan secara proaktif.

### **Islam dan mekanisme pencegahan fraud**

Kaedah pencegahan fraud yang dinyatakan oleh Albrecht et al. (2016) masih lagi mempunyai beberapa ruang untuk diperbaiki apatah lagi di dalam konteks kehidupan Islam seperti urusan berkaitan dengan institusi zakat. Ini kerana, kerangka tersebut menumpukan kepada peranan yang perlu lebih diamalkan oleh pihak pengurusan organisasi semata-mata. Harus diingat, seorang Muslim akan sentiasa bertanggungjawab atas apa yang dilakukannya. Ini memberi maksud bahawa untuk menjayakan visi institusi zakat, amanah dan tanggungjawab patut dipikul oleh setiap ahli dan tidak tertumpu kepada ketua institusi zakat semata-mata. Tambahan pula, mekanisme pencegahan yang dicadangkan oleh Albrecht et al. (2016) lebih kepada keperluan untuk mewujudkan mekanisme yang lebih bersifat fizikal atau kebendaan dalam sesebuah institusi dan kurang penekanan terhadap nilai keagamaan individu.


Islam mengajar seseorang individu supaya sentiasa bertaqwa kepada Allah dengan mengamalkan sikap mahmudah dalam kehidupan seharian. Amalan sikap terpuji ini bukan sahaja tertakluk kepada aktiviti yang berkaitan dengan hubungan seorang hamba dengan Allah, malah melibatkan juga hubungan sesama manusia. Dalam konteks zakat, selain daripada memenuhi tuntutan rukun Islam, warga institusi zakat sentiasa berterusan berhubung dengan pihak luar (pembayar, asnaf dan amil) dan pihak dalaman institusi zakat itu sendiri (pengurusan dan petugas zakat). Hubungan yang wujud ini menuntut supaya pihak pentadbir bersifat amanah, jujur, berintegriti dan telus dalam mengendalikan pengurusan zakat. Namun demikian, urusan pentadbiran zakat tidaklah mudah seperti yang dijangkakan. Institusi zakat bukanlah

---

<sup>1</sup> Berdasarkan Albrecht et al. (2016), menetapkan bentuk dan jangkaan hukuman juga adalah subset kepada kaedah pencegahan fraud yang pertama iaitu mewujudkan budaya jujur, keterbukaan dan bantuan.

sebuah institusi yang bersifat sempurna kerana institusi ini ditadbir oleh manusia yang mempunyai pelbagai kekurangan dan kelemahan. Kelemahan ini jika tidak dikendalikan dengan baik boleh membawa kepada pelbagai permasalahan kepada organisasi termasuklah kes fraud.

Oleh yang demikian, mekanisme pencegahan fraud terutamanya bagi institusi zakat sepatutnya turut mengambilkira peranan nilai keagamaan iaitu unsur taqwa. Rajah 1 menunjukkan cadangan kerangka mekanisme pencegahan fraud yang diubahsuai daripada Albrecht et al. (2016).



**Rajah 1: Mekanisme Pencegahan Fraud di Institusi Zakat**

Berdasarkan mekanisme pencegahan dalam Rajah 1, peranan individu dalam institusi zakat adalah ditunjangi oleh ketaqwaan kepada Allah dan tanggungjawab kepada ahli organisasi dan pihak luar. Taqwa merujuk kepada tunduk dan taat ke atas suruhan dan tegahan yang ditetapkan oleh Allah. Dengan menerapkan unsur taqwa, individu akan lebih bertanggungjawab terhadap setiap aktiviti yang dilakukannya. Tanggungjawab ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu kepada majikan, rakan sekerja, pembayar zakat, penerima zakat dan seterusnya kepada Allah. Penghayatan konsep akauntabiliti dan disokong oleh unsur taqwa mendorong seseorang untuk lebih amanah serta yakin bahawa setiap tingkahlakunya akan diberi ganjaran.

Namun demikian, faktor taqwa ini tidak mudah untuk dihayati atau dipatuhi sepenuhnya oleh manusia. Ini adalah fenomena yang biasa memandangkan tahap keimanan seseorang tidak bersifat statik. Maka, selain daripada taqwa kepada Allah, unsur pemantauan yang lebih cekap dan berkesan juga patut diwujudkan iaitu bersesuaian dengan matlamat penubuhan institusi zakat. Adalah difahami bahawa secara lumrahnya, aktiviti pemantauan telah pun wujud di institusi zakat termasuklah beberapa komponen mekanisme pencegahan yang dinyatakan oleh Albrecht et al. (2016). Pemantauan ini mungkin dilakukan oleh pihak atasan, namun dikhuatiri faktor kekangan sumber dan kepakaran menjadikan mekanisme pemantauan yang sedia ada adalah terhad keberkesannya.

Kertas kerja ini menyarankan diwujudkan suatu jawatankuasa pemantau dan skop tugas jawatankuasa ini tidak hanya kepada urusan berkaitan perakaunan, kewangan dan audit. Di peringkat awal atau bagi mengatasi masalah sumber terhad, fungsi jawatankuasa ini juga boleh melibatkan perkara berkaitan pengurusan risiko dan etika. Amalan penubuhan jawatankuasa pemantau seperti jawatankuasa



audit di kalangan syarikat korporat, bukanlah sesuatu yang biasa malah menjadi mandatori bagi syarikat yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia. Namun begitu, penubuhan jawatankuasa audit atau yang seumpamanya bukanlah sesuatu yang lumrah bagi institusi zakat.

Bagi institusi zakat, penubuhan jawatankuasa pemantau ini dapat membantu mengurangkan kejadian fraud. Hal ini adalah disebabkan skop jawatankuasa ini boleh diperluaskan bagi memantau aktiviti yang mendorong kepada fraud. Selaras dengan kaedah audit moden iaitu pendekatan audit berdasarkan risiko (*risk based auditing* atau RBA), jawatankuasa pemantau atau kakitangan yang terlibat boleh menumpukan kepada sektor, unit atau aktiviti yang berisiko tinggi dan mudah terdedah kepada berlakunya fraud. Pendekatan sebegini akan menjadikan prosedur audit lebih efektif dan permasalahan yang dihadapi oleh organisasi zakat dapat dikenalpasti lebih awal dan diambil tindakan susulan dengan betul. Selain daripada itu, penubuhan jawatankuasa pengurusan risiko atau pemisahan fungsi pengurusan risiko dari jawatankuasa audit adalah antara langkah yang seterusnya boleh diambil oleh institusi zakat. Berbanding jawatankuasa audit yang fungsi asasnya adalah dalam aspek perakaunan dan pengauditan, jawatankuasa pengurusan risiko akan dapat menumpukan usaha kepada urusan strategi dan kaedah menghadapi risiko.

Dengan gabungan mekanisme pencegahan bagi organisasi konvensional dan diterapkan unsur ketaqwaan bersama-sama dengan jawatankuasa pemantauan, diharapkan boleh meningkatkan kualiti pencegahan fraud. Pencegahan fraud yang baik dan disertai dengan strategi pengurusan risiko fraud boleh menyumbang kepada kurangnya insiden fraud di institusi zakat. Adalah perlu diingatkan bahawa kakitangan yang hidupnya disemai dengan amalan taqwa akan membantu memastikan organisasi sentiasa berada di landasan yang betul. Sebarang aktiviti atau amalan yang dikhuatiri bertentangan dengan unsur taqwa, termasuklah fraud akan dihindarinya. Ini kerana penglibatan dalam aktiviti sedemikian adalah berlawanan dengan konsep akauntabiliti dan kebertanggungjawaban terhadap pembangunan ekonomi ummah. Ini adalah penting bagi memastikan bahawa setiap amalan individu yang terlibat secara langsung dalam ekosistem zakat akan menyumbang kepada keberkesanan organisasi dan seterusnya mendapat keredhaan Allah.

## **PENUTUP**

Kepentingan amalan tadbir urus yang baik tidak hanya terhad kepada organisasi yang bermotifkan keuntungan malahan turut merangkumi institusi yang tidak berteraskan keuntungan seperti institusi zakat. Memandangkan institusi zakat memainkan peranan yang signifikan terhadap kualiti kehidupan dan ekonomi umat Islam, kertas kerja ini mengenengahkan cadangan bagi memperbaiki aspek tadbir urus institusi zakat khususnya aspek yang berkaitan dengan fraud dan kaedah pencegahannya.

Dalam membincangkan tentang kaedah pencegahan fraud, adalah penting untuk memahami jenis dan punca fraud terlebih dahulu. Kefahaman tentang jenis dan punca fraud memberi panduan untuk mengenalpasti strategi yang boleh dibangunkan untuk memerangi fraud. Terdapat dua kaedah mekanisme pencegahan utama bagi sesebuah organisasi, iaitu (i) mewujudkan budaya jujur, keterbukaan dan bantuan; dan (ii) menghapuskan peluang melakukan fraud. Memandangkan institusi zakat adalah suatu organisasi yang unik dan berkaitan dengan kewajipan agama, maka perlu dibangunkan satu kerangka mekanisme pencegahan fraud yang lebih menyeluruh dan kerangka tersebut mesti ditunjangi oleh aspek kerohanian dan pemantauan.

Dua unsur pencegahan fraud telah dicadang untuk dimasukkan dalam ekosistem tadbir urus zakat terutamanya untuk pencegahan fraud iaitu taqwa kepada Allah dan penubuhan jawatankuasa pemantauan. Ketaqwaan mengambilkira unsur dalaman/kerohanian yang patut dimiliki oleh individu dalam melaksanakan tugas dan sebagai refleksi kehambaan kepada Allah dalam menunaikan amanah untuk

menguruskan zakat. Jawatankuasa audit dan pengurusan risiko merupakan antara bentuk elemen jawatankuasa pemantauan yang boleh diwujudkan bagi memastikan sikap dan tingkahlaku kakitangan institusi zakat akan dipantau, dinilai serta diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan atasan. Dengan gabungan dua elemen utama ini, kaedah pencegahan fraud akan lebih kukuh dan berkesan.

Namun begitu, terdapat beberapa lagi aspek pencegahan fraud yang boleh diambil kira bagi terus memerangi kejadian fraud dan ini memberi ruang kepada kajian lanjutan di masa hadapan. Kajian lanjutan seterusnya boleh dijalankan dengan mengambil kira aspek lain dalam perakaunan forensik iaitu bagaimana proses pengesanan dan penyiasatan fraud dapat diaplikasi dalam institusi zakat. Disamping itu, kajian mendalam boleh diadakan dengan mempertimbangkan faktor kepelbagaian struktur organisasi dan peruntukan perundangan zakat di Malaysia dalam menangani kejadian fraud. Tumpuan kajian di masa hadapan juga boleh melihat kepada amalan pengurusan risiko fraud yang merangkumi institusi zakat, amil dan asnaf. Dengan yang demikian, diharapkan tahap kualiti tadbir urus terus dapat diperkasakan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi ini terus meningkat.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, R. dan Khairil Anar, S. (2014). Effectiveness of Fraud Prevention and Detection Techniques in Malaysian Islamic Banks. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 145, 97-102.
- Abdul Wahab, A. (2017). Pengurusan Tadbir Urus Syariah: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor, Bab 15 Dalam Memperkasa Kutipan Dan Agihan Zakat Di Malaysia, Penyunting Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman, Adibah Abdul Wahab, Penerbit USIM.
- Abd Wahab, N. (2013). Efficiency and Governance of Zakat Institutions in Malaysia. PhD Thesis International Islamic University Malaysia.
- Albrecht, W.S., Albrecht, C.O., Albrecht, C.C. dan Zimbelman M. F. (2016). *Fraud Examination*, 5<sup>th</sup> edition, Cengage Learning, Boston, USA.
- Aminuddin, A. F., Wahid, H., dan Mohd Nor, M.A. (2017). Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian terhadap Majlis Agama Islam Johor. *International Journal of Islamic and Civilisation Studies*, 4 (3), 52-66.
- Astuti, M.A., Rozali, R.D. Y. dan Cakhyaneu A. (2019). Prevention of Fraud in Sharia Banking in Indonesia through Implementation of Sharia Corporate Governance. The 2nd International Conference on Islamic Economics, Business, and Philanthropy (ICIEBP), 183–202. DOI 10.18502/kss.v3i13.4205.
- Association of Fraud Examiners (2019). The Fraud Triangle. Diakses pada 23 Ogos 2019 <https://www.acfe.com/fraud-triangle.aspx>
- Hakim, C.M., Ascarya, Beik, I.S., Pramono S.E. dan Saoqi, A.A.Y. (2019), Designing Shariah Governance Standard for Zakat Management Organization: Indonesia Experience, Puskas Working Paper Series, The National Board of Zakat (BAZNAS) The Republic of Indonesia.
- Ibrahim, M. A. (2017). Keperluan Kerangka Syariah Dalam Tadbir Urus Zakat, Bab 13 Dalam Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Penyunting Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman, Adibah Abdul Wahab, Penerbit USIM.
- Kamus Dewan, (2017). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan pustaka, Kuala Lumpur.
- Law, P. (2011). Corporate governance and no Fraud Occurrence in Organizations: Hong Kong Evidence, *Managerial Auditing Journal*, 26 (6), 501-518.
- Muzamir, M.Y. (2017). CEO, pegawai Zakat Pulau Pinang didakwa rasuah. Berita Harian. 19 Julai 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/303661/ceo-pegawai-zakat-pulau-pinang-didakwa-rasuah> - diakses pada 20 Jun 2019).
- O'Connell, D. (2016). Leadership Styles and Improved Governance Outcomes. *Governance Directions*, May, 202-206.

- Saad, R.A.J., Abdul Aziz, N.A., dan Sawandi, N. (2014). Islamic Accountability Framework in the Zakat Funds Management. International Conference on Accounting Studies 2014, 18-19 August, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Santoso, C.B, Alim, dan M.N. Riyadi, S. (2018). Critical Perspective and Reconstruction Governance Organization Management Zakat in Indonesia, *Archives of Business Research*, 6 (5), 269-276.
- Wan Mohd Fathi, W.N.I., Ghani, E.K., Said J. dan Puspitasari, E. (2017). Potential Employee Fraud Scape in Islamic Banks: The Fraud Triangle Perspective, *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 79-93.
- Zakaria, K.M. Nawawi, A. dan Puteh Salin, A.S.A. (2016). Internal Controls and Fraud – Empirical Evidence from Oil and Gas Company. *Journal of Financial Crime*, 23 (4), 1154-1168.